



TP00002376

PERANCANGAN KAMPUNG TERSUSUN  
- SATU PENILAIAN MENGENAI MASALAH,  
BENTUK PERANCANGAN DAN  
PERLAKSANAANNYA

oleh

NOORAINI BT. HAJI ISMAIL

Satu Tesis Yang Disediakan Untuk Memenuhi Sebahagian  
Dari Syarat Untuk Penganugerahan

DIPLOMA LANJUTAN PERANCANG BANDAR DAN WILAYAH

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara,  
Shah Alam

Julai, 1981

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
SENARAI ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI FOTO	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
PENDAHULUAN	1
BAB SATU	
PENGENALAN	5
BAB DUA	
MASALAH PENEMPATAN DAN RANCANGAN KAMPUNG TERSUSUN	
DI NEGERI PERAK	12
2.0 Pengenalan	12
2.1 Rancangan kampung tersusun dan masalah banjir	13
2.1.1 masalah banjir tahunan	14
2.1.2 masalah banjir kilat	16
2.2 Peluasan Objektif	17
2.3 Konsep Kampung Tersusun	18
✓2.4 Pembangunan Kampung Tersusun	20
2.5 Kampung Tersusun sebagai satu yunit masyarakat	24

## BAB TIGA

### KAJIAN KES

3.0	Pengenalan	27
3.1	Pemilihan kawasan	28
3.2	Kampung Klah Baru	32
	3.2.1 keadaan fizikal	32
	3.2.2 penduduk	36
	3.2.3 kemasyarakatan	45
	3.2.3 a. kemudahan	45
	3.2.3 b. organisasi sosial	48
	3.2.4 perumahan	50
	3.2.5 sistem perhubungan	60
3.3	Kampung Rahmat	67
	3.3.1 keadaan fizikal	67
	3.3.2 penduduk	70
	3.3.3 kemasyarakatan	79
	3.3.3 a. kemudahan sosial	79
	3.3.3 b. organisasi sosial	84
	3.3.4 perumahan	85
	3.3.5 sistem perhubungan	93
3.4	Kampung Datok Sri Haji Kamaruddin	97
	3.4.1 keadaan fizikal	97
	3.4.2 penduduk	99
	3.4.3 kemasyarakatan	106
	3.4.3 a. kemudahan sosial	106
	3.4.3 b. organisasi sosial	108

## PENDAHULUAN :

Kajian ini merangkumi penyelidikan bagaimana kampung tersusun itu terbentuk dan bagaimana kesannya terhadap pembangunan setelah objektifnya diperluaskan. Untuk keperluan ini tiga buah kampung dipilih sebagai kawasan kajian untuk mendapatkan kesan-kesan perlaksanaan perancangan kampung tersusun. Penilaian keatas kesan-kesan ini dikaji dengan teliti dan akhirnya cadangan dikemukakan sebagai syor tindakan keatas kesan perlaksanaan supaya rancangan kampung tersusun menjadi sebuah perancangan yang bermakna.

Penyelidikan dibuat berdasarkan kepada dua hipotesis yang telah dibentuk. Pertama ialah 'Dengan keadaan pembangunan kampung tersusun yang ujud sekarang, penempatan ini akan hanya merupakan kawasan tempat tinggal yang tidak tersusun serta serba kekurangan tanpa mempunyai peluang yang baik untuk membangun dan berkembang jika langkah konkrit tidak diambil oleh pihak-pihak tertentu;' Dan kedua ialah 'Pemilihan kawasan penempatan kampung tersusun ini lebih menitik beratkan faktor kedapatan tanah kerajaan yang sering tidak sesuai untuk lain-lain pembangunan'.

Untuk menyokongkan kedua-dua hipotesis tadi, beberapa objektif telah dirangka sebagai panduan menjalani penyelidikan ini. Objektif-objektif tersebut adalah seperti berikut :

1. untuk mengkaji keadaan fizikal, sosio-ekonomi dan

## BAB SATU

### PENGENALAN

Penempatan manusia dan alam persekitarannya adalah merupakan dua 'entity' yang tidak boleh dipisahkan. Sebarang usaha untuk memperbaiki kehidupan manusia harus diikuti dengan langkah-langkah untuk meninggikan lagi kualiti alam persekitaran yang sentiasa mempengaruhi kehidupan sehari-harinya<sup>1</sup>. Peri pentingnya keadaan alam persekitaran ini kepada manusia memang tidak dapat dinafikan. Seperti kata Richard A. Pundle mengenai persekitaran manusia, 'Persekutaran manusia adalah merupakan segala-galanya, seperti juga kulit yang tidak dapat dipisahkan dari isinya...'<sup>2</sup> kenyataan ini jelas menunjukkan betapa pentingnya persekitaran dan keadaan hidup disesebuah penempatan kepada manusia yang mendiami didalamnya. Seperti juga isi yang akan cacat serta musnah jika kulit yang menutupinya cacat dan cela, maka manusia akan turut terdedah kepada segala bentuk kecacatan sekiranya keadaan kehidupan dan alam persekitaran tempat yang didiaminya itu mengalami serba serbi kekurangan.

Menurut lapuran dari Pertubuhan kesihatan sedunia (WHO) mengenai penempatan manusia<sup>3</sup>, perancangan sesebuah penempatan yang baik harus memberi pertimbangan kepada empat elemen-elemen asas seperti berikut :

- i. keadaan persekitaran yang dapat menawarkan keperluan